

25/10/2003

Kita boleh ambil tindakan jika disabotaj pendesak

KUALA LUMPUR: Malaysia boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) jika kumpulan pendesak Yahudi memboikot negara ini dengan menghasut pelabur dan pelancong supaya tidak datang ke Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rais Yatim, berkata tindakan mengikut bab ketiga undang-undang WTO boleh diambil jika pihak Yahudi menterjemahkan kenyataan mereka berhubung perkara itu menjadi satu bentuk tindakan.

"Undang-undang berkenaan membenarkan tindakan diambil terhadap amalan perdagangan yang tidak adil," katanya ketika diminta mengulas tindakan kumpulan pendesak Yahudi di Amerika Syarikat, Pusat Simon Wiesenthal yang menggesa pelabur dan pelancong mengelak ke Malaysia sehingga pemimpin yang menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak menunjukkan sikap anti-Semitik.

Rais ditemui ketika menghadiri rumah terbuka Deepavali Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwah Pengguna, Datuk S Subramaniam di Bangunan Peladang (Dewan NUPW) Jalan Templer di sini, semalam.

Bagaimanapun katanya, sebelum tindakan diambil mengikut peruntukan di dalam WTO itu, Malaysia terlebih dulu perlu memastikan siapakah yang melakukan sabotaj.

"Tanpa memastikan pihak bertanggungjawab melakukan sabotaj, kita tidak boleh membuat reaksi yang keterlaluan. Jadi oleh kerana ini adalah reaksi politik, kita pun harus membuat reaksi politik pada waktu ini," katanya.

Rais berkata, sesungguhnya apa yang disebut oleh Dr Mahathir di dalam ucapannya menjurus kepada proksi Yahudi, sudah pun terbukti dan tidak perlu lagi pembuktian lain.

"Dengan yang demikian kita perlu membuat langkah siap sedia untuk Malaysia supaya prinsip ekonomi dan amalan perdagangan antarabangsa kita tidak terjejas," katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, yang ditemui di rumah terbuka sama berkata desakan yang dibuat kumpulan pendesak Yahudi itu tidak munasabah dan tidak masuk akal sama sekali.

Beliau berkata, ini kerana ucapan Perdana Menteri bukannya berniat untuk menyatakan perkara tidak adil terhadap Yahudi, sebaliknya berasaskan fakta serta sejarah.

"Semua rakyat Malaysia memang berdiri teguh di belakang Dr Mahathir kerana beliau telah memberi pandangan yang cukup berasas.

"Semua pihak termasuk Yahudi perlu bersikap rasional dalam perkara ini.

Tidak ada pihak yang boleh menyekat Malaysia daripada bercakap mengenai perkara yang benar dan menyatakan pendirian kita dengan ikhlas," katanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, pula berkata Malaysia bersikap terbuka dan mengalu-alukan siapa saja yang hendak mengadakan perdagangan dengan negara ini.

"Saya tidak menganggap desakan yang dilakukan kumpulan pendesak Yahudi ini satu ancaman kepada kita kerana pelabur dan pelancong boleh menilai sendiri," katanya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI), Datuk K Kenneth Eswaran, berkata Malaysia tidak perlu terlalu memikirkan apa yang diperkatakan kumpulan pendesak Yahudi di

Amerika Syarikat sebaliknya membentuk pasaran sendiri di kalangan negara Asean.

Beliau berkata, negara Asean sendiri mempunyai penduduk yang ramai ditambah lagi dengan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) serta rantau ini akan menjadikan pasaran perdagangan lebih besar.

"Saya tidak menafikan dalam hal berkaitan perniagaan kemungkinan ada kesannya, tetapi pada saya, kita sendiri mempunyai pasaran yang lebih luas

dan tidak seharusnya terlalu bergantung kepada Amerika Syarikat disebabkan

sejarah sudah tercatat bahawa Amerika Syarikat adalah kuasa besar dalam ekonomi dan persepsi itu perlu diubah sekarang.

"Cuba lihat penduduk di India dan China dan produk yang dihasilkan kerana semua faktor ini penting supaya kita tidak terlalu bergantung dengan Amerika Syarikat untuk membentuk sendiri pasaran ekonomi," katanya

ditemui ketika mengadakan rumah terbuka sempena Deepavali di sini, semalam.

Eswaran berkata, Malaysia yang bakal muncul sebagai sebuah negara berasaskan teknologi, selain dengan kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta Lembah Teknologi, berupaya menjadi pusat tumpuan perdagangan di rantau ini.